

Sabtu, 26 Oktober 2019 | 12:08am



Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Muhamad Zikril Azan Abdullah (kiri) melihat sayur yang dijual di Pasar Raya Segi Fresh selepas Majlis Pembukaan Pasar Raya yang ke-36. - NSTP/Amirul Aiman Hamsuddin

## KPDNHEP Selangor periksa 1,181 premis perniagaan menjelang Deepavali

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**SABAK BERNAM:** Sebanyak 1,181 premis di negeri ini sudah diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sempena program Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata kebanyakan peniaga juga didapati mematuhi arahan seperti meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu dan meletakkan tanda harga.

"Kita dapati kesedaran peniaga mematuhi harga maksimum sangat tinggi, selain mengikut arahan yang digariskan oleh kerajaan.

"Disebabkan perayaan akan tiba tidak lama lagi, kita akan sentiasa turun padang untuk memantau harga dan memeriksa sekiranya ada kesalahan dilakukan peniaga," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Majlis Pembukaan Pasar Raya Segi Fresh Cawangan Sabak Bernam di Taman Berjaya, hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Syarikat Segi Group, Syed Haizam Hishamuddin Putra Jamalullail.

Beliau berkata, pihaknya akan melakukan pemantauan harga berterusan sehingga tarikh akhir pelaksanaan skim harga maksimum.

Sementara itu, Syed Haizam dalam ucapannya berkata, pembukaan cawangan pasar raya Segi Fresh yang ke-36 itu dilihat bakal memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat, selain membekalkan barang segar dengan harga berpatutan.

"Sejak pasar raya ini dibuka semalam, sambutan sangat menggalakkan dan ramai yang memberi komen positif.

"Malah, kita akan mengutamakan penduduk setempat untuk bekerja di pasar raya ini, selain produk nelayan dan petani tempatan juga diberi keutamaan di sini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bakal membuka cawangan pasar raya Segi Fresh ke-37 di Puncak Alam bulan depan ini dan cawangan ke-38 di Teluk Intan pada Disember ini.